



**KETUA EKSEKUTIF**  
**CHIEF EXECUTIVE**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
*Skills Development Fund Corporation*  
Kementerian Sumber Manusia  
*Ministry of Human Resources*  
Pejabat Ketua Eksekutif  
Aras 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Telefon : 03-4047 6008  
Faks : 03-4047 6108  
Laman Web : [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my)  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 12 )

Tarikh : 30 September 2020

Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEMBATALAN SYARAT PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN  
BAHARU DENGAN PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN (PTPK) SELEPAS MEMPEROLEH SATU (1) TAHUN  
PENTAULIAHAN DARIPADA JABATAN PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN (JPK)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bilangan 4 Tahun 2020 yang diadakan pada 25 Ogos 2020 telah bersetuju untuk membatalkan syarat pendaftaran Penyedia Latihan (PL) baharu dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selepas memperoleh satu (1) tahun pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi semua Skim yang diuruskan oleh

**Muka 1 dari 3**

(Sila Catatkan Rujukan Jabatan Ini Apabila Menjawab)

**PEMBATALAN SYARAT PENDAFTARAN PL BAHARU DENGAN PTPK SELEPAS MEMPEROLEH SATU (1) TAHUN PENTAULIAHAN DARIPADA JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)**

Perbadanan ini dan **berkuatkuasa** pada tarikh mesyuarat tersebut diadakan.


3. Sehubungan dengan itu, mana-mana PL yang ingin memohon boleh mengemukakan permohonan seperti biasa dan akan diproses berdasarkan kepada keputusan ini setelah mengambilkira permintaan semasa serta merupakan salah satu usaha Perbadanan untuk membolehkan pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran diberikan kepada pelatih yang layak dapat disalurkan supaya dapat membantu pelatih yang menamatkan latihan kemahiran meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga dengan mendapat pekerjaan yang lebih baik dan menerima gaji yang setimpal dengan kemahiran yang dimiliki, memenuhi keperluan industri dan menambahkan lagi bilangan tenaga kerja mahir negara, sekaligus dapat membantu mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja mahir luar negara.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***"Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MUSTAFA BIN ALI)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

**PEMBATALAN SYARAT PENDAFTARAN PL BAHARU DENGAN PTPK SELEPAS MEMPEROLEH SATU (1) TAHUN PENTAULIAHAN DARIPADA JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)**

---

**Salinan Kepada :**

- i. Fail Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK
- ii. Fail Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan (PL) Dan Program Latihan Kemahiran PTPK
- iii. Semua Pengurus Besar dan Ketua Bahagian, PTPK